

26/06/1997

Tandas awam masih tidak terurus

Musomar

SHIHOKO Goto tidak pernah sampai ke Kuala Lumpur, tetapi ketika bertemu dengannya di Tokyo awal tahun ini, dia menyatakan kekagumannya dengan kepesatan pembangunan Malaysia, Menara Kembar Petronas, projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dan Koridor Raya Multimedia (MSC). Dia tidak menyangka negara yang pernah dijajah datuk neneknya satu ketika dulu kini begitu maju. Shihoko yang bekerja sebagai wartawan dengan sebuah agensi berita di Jepun itu mengetahui semua ini selepas membuat liputan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Tokyo untuk mempromosikan MSC Januari lalu.

Minggu lalu, dia tiba di Kuala Lumpur untuk bercuti selama seminggu dan ketika makan malam bersamanya di sebuah restoran di Bangsar, dia tidak habis-habis memuji keindahan dan kecanggihan Kuala Lumpur. Cuma satu perkara yang dia agak terkilan ialah keadaan tandas di beberapa tempat tumpuan awam, termasuk pusat beli-belah yang menurutnya terlalu kotor, walaupun ada orang yang mengutip wang daripada setiap pengunjung tandas berkenaan.

Dalam soal ini, kita tidak boleh menyalahkan Shihoko kerana memang terbukti kebanyakan tandas awam kita tidak terurus. Jika tidak, masakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terpaksa melancarkan gerakan penguatkuasaan tandas secara mengejut di premis tumpuan awam di seluruh negara bagi memastikan ia sentiasa bersih dan boleh digunakan.

Sebenarnya, bukan Shihoko saja yang menimbulkan perkara ini, malah ramai pelancong asing yang memberi teguran sama. Tidak guna jika negara kita pesat membangun, tetapi kemudahan asasnya, terutama tandas tidak terjaga. Bagi sesetengah orang, tandas adalah perkara pertama yang diberi perhatian.

Oleh itu, memanglah wajar bagi pihak berkuasa bertindak tegas, termasuk menutup untuk jangkamasa tertentu premis yang didapati mempunyai tandas yang kotor bagi menyedarkan pemilik premis terbabit. Kita tahu pengguna juga turut menjadi punca utama tandas di premis awam kotor, tetapi pemilik premis terbabit bertanggungjawab memastikan ia berada dalam keadaan bersih sepanjang masa. Sepatutnya, orang ramai perlu ada rasa tanggungjawab untuk menjaga kebersihan tandas.

Selain soal tandas, kita juga ingin menyentuh mengenai papan iklan yang banyak boleh dilihat sekitar ibu kota dan sepanjang jalan utama menuju Kuala Lumpur. Sememangnya kita bangga kerana iklan ini menunjukkan negara kita pesat membangun, di samping menyerikan suasana sekitar bandar dan jalan raya, terutama pada waktu malam. Bagaimanapun, kita kecewa dengan pelbagai kesalahan tatabahasa yang dapat dilihat pada papan tanda berkenaan. Papan iklan bukan saja perlu mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, tetapi menggunakannya dengan tatabahasa yang betul.

Seperti yang kita fahami, papan iklan bertujuan untuk berkomunikasi dan kesalahan tatabahasa dalam papan iklan akan menjejaskan komunikasi. Soal tatabahasa ini penting kerana selagi seseorang itu tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan sempurna, selagi itulah cara berkomunikasi terjejas dan kurang lancar. Kita sepatutnya tidak membiarkan perkara seperti ini berlaku.

Arahan supaya menggunakan bahasa Kebangsaan pada papan iklan adalah jelas dalam undang-undang kecil yang dipakai kebanyakan pihak berkuasa tempatan di negara ini. Kerajaan bukan saja perlu tegas dalam soal ini,

malah bersikap adil dan berhati-hati melaksanakannya dalam masyarakat negara ini yang pelbagai kaum.

(END)